



Rektor UNISSA menyerahkan sumbangan kepada keluarga yang terpilih di Mukim Kiudang, Tutong.

Oleh Normazlina M.D

TUTONG, 29 Mei - Bersempena menyambut kedatangan bulan Ramadan 1437 Hijrah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) telah mengadakan satu Program berkebakikan iaitu program Ziarah Mahabbah II selama dua hari bermula pada 28 dan 29 Mei bertempat di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Mukim Kiudang.

Penyerahan bantuan kepada keluarga terpilih adalah acara kemuncak bagi program itu petang tadi di dewan masjid berkenaan. Penyerahan sumbangan tersebut adalah berupa

Tafsir Al-Quran dan sejadah, wang tunai serta barang keperluan seperti makanan dan minuman bagi persediaan bulan Ramadan.

Hadir menyerahkan bantuan tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal juga selaku tetamu kehormat di majlis itu.

Program itu merupakan kali kedua diadakan oleh FEKIm pada tahun ini. Pada tahun lalu program tersebut telah diadakan di Kampung Kuala Tutong.

Program pada kali ini menasasarkan tujuh buah rumah di mukim berkenaan yang meliputi Kampung Birau, Kampung Pad Nunok, Kampung Mungkom,

UNISSA anjur Program Ziarah Mahabbah II



Sesi bergambar ramai bersama para program tersebut.

Kampung Kiudang, Kampung Batang Mitos dan Kampung Bakiau.

Dengan bertemakan 'Belia Pemedulian Modal Insan Berwawasan', ia melibatkan seramai 57 orang mahasiswa-mahasiswi tahun satu dan tiga FEKIm yang mana telah dipengerusikan oleh mahasiswa tahun tiga, Awang Shah Isra Firdaus bin Haji Ismail.

Antara tujuan program ini dijalankan ialah agar para peserta program dapat menunjukkan 'qudwah hassanah' atau teladan yang baik kepada generasi pelapis supaya lebih peka dengan kehidupan masyarakat. Ia juga dapat merealisasikan semangat keprihatinan peserta program terhadap golongan yang memerlukan bantuan.

FEKIm juga berhasrat bahawa

program tersebut akan diteruskan di tahun berikutnya dan akan melarutkan ke kawasan lain. Kerjasama dan sokongan semua pihak dalam menghulurkan bantuan kepada keluarga yang kurang berkemampuan sangat diperlukan agar tujuan dan hasrat murni dapat dicapai dengan jayanya disamping mendapat reda dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

3 penulis Brunei buat lawatan ke Pameran Motor Korea

Oleh Sim Y. H.

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Mei - Dengan hasrat untuk melihat dengan lebih dekat teknologi terkini yang digunakan dalam kenderaan keluaran Hyundai, delegasi seramai tiga orang yang terdiri daripada pengamal media dan pegawai dari Setia Motors Sdn Bhd, berlepas ke Korea untuk menyertai Lawatan Media Global ke Pameran Motor Busan, Korea.

Delegasi dari Brunei itu terdiri daripada pegawai dari Jabatan Pemasaran Setia Motors, Awang Nazim Mua'azasbri, wakil dari Mantuka Brunei, Dayang Sabrina Sallehuddin dan pemberita dari *United Daily News*, Vivi Law, yang akan berada di Korea bagi menyertai program lawatan itu bermula esok hingga 3 Jun.

Delegasi itu dijemput menghadiri program berkenaan yang dikendalikan oleh Kumpulan Perhubungan Awam Global,




Awang Nazim (tengah), Vivi (kiri) dan Dayang Sabrina (kanan) berlepas ke Korea bagi menyertai program lawatan media global atas jemputan Syarikat Hyundai Motor.

Hyundai Motor Company di mana semasa lawatan itu, para peserta bukan sahaja berpeluang untuk melawat ke Pameran Motor Busan tetapi juga akan mengadakan lawatan ke Syarikat Hyundai Motor.

Semasa lawatan itu nanti, delegasi dari Brunei bersama-sama delegasi dari luar negara

akan berpeluang untuk melawat ke ibu pejabat, kilang dan pusat penyelidikan dan perkembangan bagi Hyundai Motor di mana mereka akan diberikan pendedahan serta penerangan mengenai teknologi terkini yang digunakan dalam kenderaan Hyundai dan juga usaha untuk memajukan lagi jenama berkenaan.

Calon pelajar KUPU SB jalani ujian kecergasan



Calon pelajar semasa ujian larian pecut 300 meter.

Oleh Siti Nur Wasimah S.

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Mei - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), hari ini, telah mengadakan Ujian Kecergasan bagi Kemasukan Sesi 2016/2017 yang diadakan di Dewan Tarbiyyah, KUPU SB.

Calon-calon kemasukan pelajar dikehendaki untuk menyertai ujian kecergasan ini untuk memastikan dan menilai kecergasan bakal pelajar KUPU SB mencukupi dan mempunyai upaya kecergasan sebagai seorang pendidik apabila lulus pengajian, di samping untuk menjaga kualiti lepasan KUPU SB.

Ujian kecergasan ini dibahagikan kepada beberapa sesi ujian seperti ujian tekan

tubi, bangkit tubi, larian pecut 300 meter dan larian 1.5 batu.

Sebelum melakukan ujian, calon-calon juga dikehendaki untuk mengambil Indeks Jisim Badan (BMI) mereka.

Ujian ini diadakan dua kali iaitu hari ini dan pada 5 Jun nanti, yang dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pertama bermula pada jam 8:30 pagi sehingga 11:30 pagi dan sesi kedua bermula pada jam 1:30 petang sehingga 4 petang.

Ujian Kecergasan KUPU SB telah pun dikendalikan dengan kerjasama Unit Kemasukan dan Rekod Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Akademik dan penyelaras kokurikulum (sukan), Pusat Ilmu Teras, KUPU SB dan pihak yang berkenaan.

Aktiviti bulan kreativiti di kompleks Mabohai



Suasana pada acara Crafty Planners.

Oleh Salawati Haji Yahya

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Mei - Pengurusan Kompleks Membeli-Belah Mabohai dengan kerjasama A. Shannon dan Create with Em meraikan bulan kreativiti dengan satu acara khas yang dikenali sebagai 'Crafty Planners Event' yang berlangsung di kompleks berkenaan, hari ini.

Acara berkenaan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti dan bengkel seperti kaligrafi moden, *Brush Lettering* dan khat kontemporari selain pelbagai jualan yang berkaitan dengan acara tersebut. Penganjur Bersama dalam

acara ini, Adrina Shannon, ketika ditemui menjelaskan, acara ini merupakan yang julung kalinya diadakan dengan disertai oleh peniaga barangan kraf persendirian.

Beliau seterusnya menjelaskan, pada masa ini ramai rakyat Brunei yang kreatif dalam menghasilkan sesuatu barang untuk nampak lebih menarik. Dengan adanya acara seumpama ini, jelasnya, ia akan terus dikembangkan dengan lebih banyak penyertaan daripada peniaga kraf *online* di negara ini.

Bengkel di acara itu berjaya menarik 20 penyertaan daripada orang ramai yang diadakan pada sesi pagi dan juga petang.